

**PATRIOTISME MENURUT PERSPEKTIF ISLAM : KONSEP DAN PELAKSANAANNYA  
TERHADAP PELAJAR SEMESTER SATU POLITEKNIK JELI KELANTAN**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**ROHANA BINTI NAWI**

**SUHAILA ABDUL GHANI**

**RUGAYAH YUSOF**

**POLITEKNIK JELI KELANTAN**

**PATRIOTISME MENURUT PERSPEKTIF ISLAM : KONSEP DAN PELAKSANAANNYA  
TERHADAP PELAJAR SEMESTER SATU POLITEKNIK JELI KELANTAN**

## **1. PENDAHULUAN**

Patriotisme sering dikaitkan dengan semangat cintakan Negara sendiri dan menunjukkan kesetiaan kepada negara. Ia perlulah dihayati dan diamalkan oleh setiap lapisan masyarakat terutama golongan remaja sekarang agar tidak mudah terjebak dengan pelbagai gejala sosial yang kian menular dewasa ini,. Justeru, sudah tiba masanya golongan remaja sekarang menghayati semangat patriotisme iaitu dengan menghayati dan mengamalkan sirah rasulullah SAW yang telah berjaya menerapkan semangat cintakan negara dan agama, membina generasi para sahabat yang kuat serta mempunyai kemantapan peribadi dan sifat ketaqwaan yang tinggi seperti Saidina Ali bin Abi Talib. Meskipun usia beliau masih muda, namun beliau berjaya muncul sebagai seorang pahlawan gagah berani yang boleh diteladani oleh semua golongan remaja pada hari ini. Di samping itu, negara kita kini berada di ambang wawasan 2020 dan generasi mudalah yang diharapkan untuk merealisasikan hasrat Negara untuk muncul sebagai sebuah Negara maju yang disegani di seantero dunia.

## **2. LATAR BELAKANG KAJIAN**

Berdasarkan bacaan dan pengamatan awal pengkaji, amat sedikit yang sama seperti kajian ini. Kebanyakan kajian hanya berkisar berkenaan semangat patriotisme di kalangan pelajar sekolah yang mengaitkan pelajar sekolah dan kurikulum sedia ada di sekolah secara umum. Ini bermakna kajian ini merupakan kajian baharu yang dapat disumbangkan kepada Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dalam usaha membangunkan modal insan

berkualiti serta mampu merealisasikan pelan transformasi Politeknik, Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Antara kajian literatur yang hampir dengan kajian ini ialah Kepentingan Pendidikan Patriotisme Terhadap Warganegara Malaysia oleh Ku Hasnita Ku Samsu dan Mohd Haizam Mohd Nor: (2002) yang mendapati bahawa pendidikan patriotisme berpotensi untuk menghasilkan elemen utama (*input*) yang membawa ke arah pengukuhan semangat patriotisme dalam kalangan warganegara (*output*). ini memperlihatkan satu proses pengulangan dan saling bergantung (*interdependency*). Kualiti *output* yakni mengukuhkan semangat patriotisme amat bergantung kepada keberkesanan *input* setiap elemen yang disenaraikan di mana pendidikan merupakan mekanismenya. Lantaran itu, penilaian hasil *output* membantu penambahbaikan *input* daripada masa ke semasa serta menjadikan pendidikan sebagai mekanisme yang fleksibel dan mampu memberi respons terhadap keperluan serta kepentingan semasa negara. Kejayaan pendidikan patriotisme dalam melahirkan rakyat berjiwa patriotik memerlukan kolaborasi semua pihak seperti pada peringkat kanak-kanak dan remaja perlu melibatkan ibu bapa, keluarga dan persekolahan, manakala di peringkat dewasa melibatkan institusi pengajian tinggi dan seterusnya diperkukuhkan oleh pendidikan melalui saluran-saluran media massa. Dengan demikian, pendidikan patriotisme sememangnya merupakan proses sepanjang hayat.

Kedua, menurut Saifuddin: (2002), nilai-nilai patriotisme perlu ditanam dalam jiwa remaja kerana pada peringkat ini remaja masih dalam proses menuju dewasa. Patriotisme dapat mengajar remaja mendisiplinkan diri mereka. Disiplin yang utuh akan membantu mencapai kejayaan dalam bidang yang diceburi. Negara memerlukan generasi yang berdisiplin dan produktif kerana ia menjadi kemudi pembangunan dan kepimpinan Negara pada masa akan datang.

Ketiga menurut Fahda Nur Akma: (1995) berpendapat bahawa sikap individu dan materialistik yang menjadi aliran hidup masa kini seolah-olah menyekat perkembangan sikap dan semangat patriotisme. Era kepesatan ekonomi masa kini seolah-olah menarik seluruh tenaga dan fikiran umum ke arah yang bercorak materialistik. Daripada tinjauan rambang ke atas remaja di Kuala

Lumpur, kebanyakan mereka mengaku semangat patriotisme tidak wujud lagi. Kalau ada pun peratusnya sedikit sekali. Kenyataan tersebut selari dengan pendapat Tajul Ariffin Nordin (1985) yang mengatakan antara sebab patriotisme luntur di kalangan pelajar ialah kemewahan hidup. Matlamat utama pembangunan adalah dalam sektor pembangunan berasaskan sains dan teknologi, nilai-nilai kebendaan, kekayaan dan kemewahan diletakkan terlalu tinggi dari nilai-nilai agama, moral, akhlak, sejarah dan negara. Oleh itu, tidak hairanlah apabila mereka telah memperolehi kekayaan dan kemewahan, sikap dan tanggungjawab terhadap negara dilupakan.

Keempat menurut Ahmad Rusdi: (2002) Mutakhir ini, didapati keterlibatan remaja atau pelajar sekolah dalam jenayah adalah akibat lunturnya nilai-nilai patriotisme. Kurangnya semangat patriotik di kalangan generasi muda hari ini merupakan salah satu faktor yang menyebabkan sebahagian daripada mereka lebih cenderung kepada aktiviti yang tidak berfaedah, seperti terlibat dalam budaya hedonisme (mementingkan hiburan atau keseronokan) kerana jiwa mereka kosong dari segi nilai dan rasa kecintaan kepada agama, bangsa dan negara. Hal ini mungkin disebabkan salah satu faktornya, iaitu kurangnya pendedahan terhadap patriotisme yang diterima atau jika banyak pun, kurang berkesan. Kemungkinan juga ia disebabkan amalan patriotisme yang diamalkan oleh para pelajar berbeza dengan nilai-nilai patriotisme yang ingin diserapkan kepada mereka.

Justeru hasil daripada tinjauan literatur yang dipaparkan, penulis merasa terpenggil untuk mengkaji berkenaan tajuk ini bagi melihat sejauh manakah pelajar Politeknik dapat menghayati nilai patriotisme ini diharap suatu masa nanti mahasiswa dan mahasiswi Politeknik dapat mendokong Negara Malaysia tercinta dengan semangat perjuangan sepertimana yang telah ditonjolkan oleh pejuang-pejuang kemerdekaan seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan sebagainya agar Malaysia akan terus aman damai dan dijauhi dari pelbagai masalah sosial yang kian melanda golongan remaja kita dewasa ini serta kita akan mampu menongkah arus globalisasi kini dengan nilai-nilai positif yang memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara umumnya.

### 3. PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan situasi semasa, semangat patriotisme di kalangan remaja kini semakin pudar dan longgar. Buktinya seperti yang terpapar di dada akhbar berkenaan wujudnya pertambahan kes golongan remaja yang terlibat dengan penagihan dadah, kes gangsterisme, kes perzinaan dan buang bayi yang tidak berdosa, rasuah, minum arak, perjudian dan pelbagai masalah sosial yang lain dari semasa ke semasa. Pelajar Politeknik juga tidak terkecuali, terdapat banyak kes yang melibatkan pelajar Politeknik turut menyumbang kepada peratusan kes-kes yang melibatkan golongan remaja secara umumnya. Kehidupan mereka banyak terikut-ikut dengan budaya barat serta semangat cintakan agama dan tanah air semakin kabur dan terkubur.

Situasi ini amat dibimbangi oleh pucuk pimpinan negara kerana kesannya akan mengakibatkan sebuah negara bangsa akan musnah ketamadunannya. Justeru sudah tiba masanya suatu kajian penyelidikan mengenai semangat patriotisme di kalangan pelajar politeknik ini di laksanakan agar pelajar yang dilahirkan oleh institusi ini akan benar-benar mampu mendokong Malaysia menepati acuannya sepertimana contoh yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW yang menyuntik semangat patriotisme di kalangan para sahabat sehingga mampu menjadi contoh terbaik yang boleh diteladani sehingga kini. Remaja yang akan kita corakkan nanti merupakan remaja yang boleh membawa Malaysia muncul sebagai sebuah negara maju pada tahun 2020 nanti dan negara Malaysia akan dipandang oleh dunia sebagai sebuah negara hebat yang meskipun saiz fizikal muka buminya kecil, namun mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara kuasa besar dunia.

#### 4. PERSOALAN KAJIAN

- i. Sejauh manakah tahap kefahaman pelajar semester satu Politeknik Jeli berkenaan konsep patriotisme menurut perspektif Islam?
- ii. Adakah program pengajian yang dilaksanakan di Politeknik mampu memupuk semangat patriotisme di kalangan pelajar?
- iii. Bagaimana bentuk pelaksanaan pemupukan semangat patriotisme terbaik yang mampu diamalkan dalam kehidupan seharian pelajar?

#### 5. OBJEKTIF KAJIAN

- i. Memahami tahap kefahaman pelajar semester satu Politeknik Jeli terhadap konsep patriotisme menurut perspektif Islam.
- ii. Melihat sejauh mana program pengajian yang ditawarkan di Politeknik mampu memupuk semangat patriotisme di kalangan pelajar.
- iii. Mengenal pasti kaedah pemupukan semangat patriotisme terbaik dan mampu diamalkan dalam kehidupan seharian pelajar.

#### 6. KEPENTINGAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian ini amat penting kerana ia boleh dimanfaatkan oleh pensyarah-pensyarah khususnya Unit Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pengajian Am dan semua pensyarah Jabatan Induk, Pihak Pengurusan Politeknik, Jabatan Pengajian Politeknik dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dalam usaha melahirkan modal insan yang berkualiti seiring dengan pelan transformasi politeknik dan mampu merealisasikan inspirasi Negara untuk muncul sebagai sebuah negara maju pada tahun 2020.

**7. Jadual Kerja**

Kajian ini dijangka mengambil masa selama dua tahun berdasarkan jangkaan minimum penulis, iaitu bermula pada September 2015 hingga Jun 2017. Perincian Jadual perancangan kerja dari bulan ke bulan adalah sebagaimana berikut :

No.	Particulars	2015				2017					
		SEP	OCT	NOV	DEC	JAN	FEB	MAC	APR	MAY	JUN
1	Kelas										
2	Peperiksaan										
3	Kelas										
4	Peperiksaan										

**Study Work Research**

No	PERINGKAT	2015				2017					
		SEP	OCT	NOV	DEC	JAN	FEB	MAC	APR	MAY	JUN
1	Menulis proposal kajian										
2	Menulis laporan kajian										
3	Membina instrumen kajian										
4	Pengumpulan Sampel										
5	Mengutip Data										
6	Menuliskan laporan kajian										
7	Analisis Data										
8	Menyiapkan Laporan lengkap kajian										

**Research Work Schedule**